



## **CTCS WORLDWIDE SDN BHD (1312099-M)**

CTCS Worldwide Sdn Bhd (CWSB) merupakan sebuah anak syarikat milik penuh oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB). Pembentukan syarikat ini adalah sebagai *Special Purpose Vehicle* (SPV) untuk program *Certified Timber Credible Supplier* yang bermatlamat untuk mempromosikan penggunaan kayu yang bersijil untuk kegunaan industri pembinaan negara. CWSB berperanan sebagai syarikat pengurusan projek untuk membantu usahawan Bumiputera mendapatkan peluang pasaran sama ada dari projek Kerajaan, GLC ataupun pihak swasta.

### **PENGURUS BESAR (Kuala Lumpur - Cheras)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Umur pemohon tidak melebihi 58 tahun;
- c) Ijazah Sarjana Muda di dalam Kewangan/ Pentadbiran Perniagaan/ Pemasaran atau lain-lain bidang-bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya. (Keutamaan diberikan kepada pemegang Sarjana dan ke atas; dan juga yang berkaitan Perkayuan)

2. Status Jawatan:

Lantikan adalah secara kontrak untuk tempoh satu (1) tahun dan boleh diperbaharui bagi tempoh tambahan satu (1) tahun lagi bergantung kepada prestasi perkhidmatan.

Skim Gaji:	Gaji Minimum	:	RM6,072.00
	Gaji Maksimum	:	RM13,138.00

Gaji Permulaan akan ditentukan kemudian.

3. Imbuhan dan Elaun:

<b>Jenis Elaun</b>	<b>Jumlah Elaun (RM)</b>
Imbuhan Tetap Keraian	800.00
Imbuhan Tetap Perumahan	900.00
Bantuan Sara Hidup	300.00

#### 4. Syarat Bahasa Melayu:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki pengetahuan dalam bidang berkaitan serta memiliki pengalaman kerja minimum lima (5) tahun pengalaman dalam bidang Pengurusan Perniagaan/ Pemasaran dan minimum tiga (3) tahun dalam pentadbiran dan kewangan. Pengalaman di dalam industri perkayuan dan pembinaan akan lebih diberi keutamaan.
6. Kemahiran pengurusan yang kuat, agresif, berorientasikan hasil dengan keupayaan untuk bekerja di bawah tekanan.
7. Pengalaman dalam menyelia pasukan untuk mengubah proses dan memacu tindakan penambahbaikan.
8. Seorang yang praktikal dan bersedia melakukan pelbagai tugas dan memikul tanggungjawab tambahan.

#### 9. Deskripsi Tugas:

- a) Menentukan operasi syarikat berjalan dengan lancar, memenuhi objektif syarikat dan memacu keuntungan/pendapatan, mencari sektor pasaran baharu dan mengenal pasti produk dan perkhidmatan baharu;
- b) Bertanggungjawab untuk menyelia dan menyediakan arahan dalam semua aspek pengurusan Syarikat, termasuk operasi, jualan dan pemasaran, perkhidmatan pelanggan (termasuk menyelia perkhidmatan teknikal), perakaunan/belanjawan dan sumber manusia;
- c) Membangunkan strategi kerja yang berkesan, melaksanakan pelan tindakan perniagaan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mengoptimumkan prestasi;
- d) Merancang dan melaksanakan aktiviti syarikat ke arah meningkatkan penyertaan usahawan bumiputera melalui aktiviti pemasaran, kawalan projek dan pengurusan vendor yang bernaung di bawah syarikat;
- e) Memastikan hubungan perniagaan terjamin antara pelanggan dan Syarikat

Pemohon hendaklah mengemukakan  
**PERMOHONAN SECARA ONLINE / BERTULIS** kepada:

**CTCS WORLDWIDE SDN BHD (1312099-M),**  
**Tingkat 12 Menara PGRM 2,**  
**No 8 Jalan Pudu Ulu, Cheras,**  
**56100 Kuala Lumpur.**  
**Tel: +603-92868533/ +603-92266533**  
**Website: [www.ctcs.com.my](http://www.ctcs.com.my)**  
**Email: [urusetia@ctcs.com.my](mailto:urusetia@ctcs.com.my)**

Permohonan hendaklah disertakan salinan sijil-sijil yang telah disahkan.  
Tarikh tutup permohonan : 6 Oktober 2023 (Jam 6 petang)

#### **CATATAN AM**

Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.